

NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 77  
No. 16

**17hb April 2024**

*TAMBAHAN No. 2  
ENAKMEN*

---

---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactment, passed by the Selangor State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, is published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A80	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2024
Enactment A80	Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2024



# **UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

**Enakmen A80**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2024**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	2 April 2024
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	17 April 2024

# UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

## Enakmen A80

### ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2024

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH  
*Sultan Selangor*

2 April 2024

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2024.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 75**

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 75 dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Jika Mahkamah Syariah dalam Negeri Selangor membuat suatu perintah atau penghakiman terhadap mana-mana orang atau suatu perintah yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam mana-mana Negeri lain di Malaysia dan perintah atau penghakiman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri itu, maka perintah atau penghakiman itu hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan dalam Negeri Selangor.”.

**Pindaan seksyen 78**

3. Seksyen 78 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Ketua Pendakwa Syarie, Timbalan Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie”;**

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Majlis, atas nasihat Ketua Pendakwa Syarie, boleh melantik, dalam kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan, perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan awam bersama—

(a) seorang Timbalan Ketua Pendakwa Syarie; dan

(b) Pendakwa-Pendakwa Syarie.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Timbalan Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai semua kuasa Pendakwa Syarie dan hendaklah bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie dalam ketiadaan atau ketidakupayaan Ketua Pendakwa Syarie untuk bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie.”.

### **Pindaan seksyen 118**

#### **4. Seksyen 118 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**Islamic**”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Majlis hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai sebagai setiausaha bagi Jawatankuasa Tauliah.”;

- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Setiausaha bagi Jawatankuasa Tauliah”;

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Jawatankuasa Tauliah hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan tauliah bagi maksud pengajaran agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam dan menggantung atau menarik balik tauliah itu tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini”;

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Pengerusi Jawatankuasa Tauliah boleh melantik apa-apa panel atau jawatankuasa bagi tujuan membuat siasatan yang diperlukan sebelum Jawatankuasa Tauliah membuat keputusan berhubung dengan penggantungan atau penarikan balik tauliah.

(3B) Mana-mana pemegang tauliah yang digantung atau ditarik balik tauliah oleh Jawatankuasa Tauliah boleh merayu kepada Jawatankuasa Rayuan.

(3C) Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan yang terdiri daripada tiga orang anggota untuk mempertimbangkan apa-apa rayuan yang dibuat oleh orang yang tauliahnya digantung atau ditarik balik oleh Jawatankuasa Tauliah.

(3D) Majlis hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai sebagai setiausaha bagi Jawatankuasa Rayuan.”; dan

(f) dalam subseksyen (4)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pemberian *tauliah*” dengan perkataan “tauliah”;

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Tauliah” perkataan “dan Jawatankuasa Rayuan”; dan

(B) dalam teks bahasa kebangsaan dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan;

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) tatacara penggantungan atau penarikan balik tauliah termasuk aduan dan siasatan;

(bb) tatacara rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan;”;

- (iv) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “anggota-anggota Jawatankuasa itu.” dengan perkataan “anggota-anggota Jawatankuasa Tauliah dan Jawatankuasa Rayuan; dan”; dan
- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
  - “(d) kesalahan dan hukuman bagi perkara yang berkaitan dengan perenggan (a), (b), (ba) dan (bb).”.

## **Bahagian baharu XA**

**5.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian X Bahagian yang berikut:

### “BAHAGIAN XA PENGURUSAN HALAL

#### **Tafsiran**

**121A.** Bagi maksud Bahagian ini—

“barang-barang”, “makanan” atau “perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang” termasuklah apabila suatu makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang—

(a) diperihalkan sebagai halal; atau

(b) diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam,

mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]; dan

“sertu” ertinya menyucikan sesuatu daripada najis mughallazah mengikut Hukum Syarak.



**Kuasa Majlis berkaitan dengan perakuan halal**

**121b.** (1) Majlis sebagai pihak berkuasa berwibawa dalam Negeri Selangor di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], boleh memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang adalah halal.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk memperakukan—

(a) mana-mana orang yang layak untuk melakukan sembelihan halal; dan

(b) mana-mana orang yang layak untuk melakukan sertu.

(3) Majlis hendaklah mengawal selia dan menjalankan apa-apa perkara berhubung dengan perakuan halal menurut kuasa Enakmen ini dan undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

(4) Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada diperakukan oleh Majlis di bawah subseksyen (2).

**Jawatankuasa Halal**

**121c.** (1) Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Halal yang hendaklah terdiri daripada—

(a) seorang anggota Majlis sebagai pengerusi; dan

(b) tidak kurang daripada lima orang dan tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.

(2) Jawatankuasa Halal hendaklah mempunyai kuasa untuk—

(a) membantu Majlis dalam mengawal selia perkara berkaitan dengan perakuan halal; dan

(b) melakukan apa-apa tindakan berkaitan perakuan halal yang difikirkan suai manfaat oleh Majlis.

(3) Majlis hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai sebagai setiausaha bagi Jawatankuasa Halal.

(4) Setiausaha bagi Jawatankuasa Halal hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan jawatankuasa itu.

### **Ketua Pegawai Pengurusan Halal, Timbalan Ketua Pegawai Pengurusan Halal dan Pegawai Pengurusan Halal**

**121D.** (1) Majlis boleh melantik seorang yang layak dan sesuai dalam kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan awam bersama untuk menjadi Ketua Pegawai Pengurusan Halal.

(2) Ketua Pegawai Pengurusan Halal hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan atau menjalankan apa-apa tindakan berhubung dengan—

(a) pengurusan halal di bawah Bahagian ini; atau

(b) apa-apa perkara berkaitan dengan halal yang diberikan kuasa oleh Majlis untuk menjalankan kuasanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Majlis, atas nasihat Ketua Pegawai Pengurusan Halal, boleh melantik orang yang layak dan sesuai dalam kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan awam bersama—

(a) seorang Timbalan Ketua Pegawai Pengurusan Halal; dan

(b) Pegawai-Pegawai Pengurusan Halal.

(4) Timbalan Ketua Pegawai Pengurusan Halal hendaklah mempunyai semua kuasa Pegawai Pengurusan Halal dan hendaklah bertindak sebagai Ketua Pegawai Pengurusan Halal dalam ketiadaan atau ketidakupayaan Ketua Pegawai Pengurusan Halal untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Pengurusan Halal.

(5) Pegawai Pengurusan Halal hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pegawai Pengurusan Halal dan boleh menjalankan semua hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Pengurusan Halal.

### **Kuasa membuat peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah**

**121E.** Majlis, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh membuat peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah untuk mengawal selia semua perkara berhubung dengan—

(a) penentuan makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang adalah halal mengikut Hukum Syarak;

(b) perakuan bagi orang yang layak untuk melakukan sembelihan halal;

(c) perakuan bagi orang yang layak untuk melakukan sertu;

(d) fi berkaitan dengan perkara di bawah perenggan (b) dan (c); dan

(e) kesalahan dan hukuman berkaitan dengan perkara di bawah perenggan (b) dan (c).

**Kesalahan melakukan sembelihan halal dan sertu tanpa perakuan**

**121F.** (1) Mana-mana orang yang melakukan, cuba melakukan atau menyebabkan perlakuan suatu sembelihan halal atau sertu tanpa perakuan yang diberikan di bawah Bahagian ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

(a) mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis di bawah subseksyen 121B(4) Enakmen ini; atau


(b) mana-mana orang yang melakukan sembelihan halal atau sertu bagi tujuan selain komersil.”.

**Kecualian dan peralihan**

**6.** Apa-apa perintah atau penghakiman yang dibuat oleh suatu Mahkamah Syariah di dalam Negeri Selangor yang menunggu untuk dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada di dalam Negeri lain di Malaysia mengikut mana-mana undang-undang Negeri itu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, diuruskan di bawah Enakmen ibu sebagaimana dipinda oleh Enakmen ini.

Diluluskan pada 7 Mac 2024  
[P.U. Sel. (ADV) RUU(S)05/07/03]

GAYATHRI PRASENA A/P JAYA KUMAR  
*Setiausaha Dewan Negeri*  
*Selangor*



# **LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**

**Enactment A80**

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2024**

Date of Royal Assent	...	...	2 April 2024
Date of publication in the <i>Gazette</i>		...	17 April 2024

**LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**

**Enactment A80**

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION  
OF ISLAM (STATE OF SELANGOR)  
(AMENDMENT) ENACTMENT 2024**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH  
*Sultan of Selangor*

2 April 2024

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor as follows:

**Short title and commencement**

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2024.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

**Amendment of section 75**

2. The Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 75 by inserting after subsection (3) the following subsection:

“(4) Where a Syariah Court in the State of Selangor makes an order or a judgement against any person or an order calling any person to appear in a Syariah Court and such person is or is believed to be in any other States in Malaysia and such order or judgement is executed against or served on such person in accordance with any law in force in that State, the order or judgement shall, for the purpose of this Enactment, be deemed to have been duly executed or served accordingly as if the execution or service had been executed or perfected in the State of Selangor.”.

**Amendment of section 78**

3. Section 78 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

**“Chief Syarie Prosecutor, Deputy Chief Syarie Prosecutor and Syarie Prosecutors”;**

(b) by substituting for subsection (3) the following subsection:

“(3) The Majlis, on the advice of the Chief Syarie Prosecutor, may appoint, amongst the members of the general public service of the Federation, the public service of the State or joint public service—

(a) a Deputy Chief Syarie Prosecutor; and

(b) Syarie Prosecutors.”; and



(c) by inserting after subsection (3) the following subsection:

“(3A) The Deputy Chief Syarie Prosecutor shall have all the powers of a Syarie Prosecutor and shall act as the Chief Syarie Prosecutor in the absence or incapacity of the Chief Syarie Prosecutor to act as the Chief Syarie Prosecutor.”.

#### **Amendment of section 118**

4. Section 118 of the principal Enactment is amended—

(a) in the English language text, in the shoulder note, by deleting the word “**Islamic**”;

(b) by inserting after subsection (1) the following subsection:

“(1A) The Majlis shall appoint any fit and proper person to be the secretary for the Tauliah Committee.”;

(c) in subsection (2), by substituting for the word “The Majlis” the words “The secretary for the Tauliah Committee”;

(d) by substituting for subsection (3) the following subsection:

“(3) The Tauliah Committee shall have power to grant a *tauliah* for the purpose of the teaching of the religion of Islam or any aspect of the religion of Islam and suspend or withdraw such *tauliah* subject to the regulations made under this Enactment”;

(e) by inserting after subsection (3) the following subsections:

“(3A) The chairman of the Tauliah Committee may appoint any panel or committee for the purpose of making the inquiry required before the Tauliah Committee makes a decision in relation to the suspension or withdrawal of the *tauliah*.

(3B) Any holder of the *tauliah* which is suspended or withdrawn by the Tauliah Committee may appeal to the Appeal Committee.

(3C) The Majlis shall appoint an Appeal Committee consisting of three members to consider any appeal made by the person whose *tauliah* is suspended or withdrawn by the Tauliah Committee.

(3D) The Majlis shall appoint any fit and proper person to be the secretary for the Appeal Committee.”; and

(f) in subsection (4)—

(i) in paragraph (a), by substituting for the words “the granting of a *tauliah*” the word “*tauliah*”;

(ii) in paragraph (b)—

(A) by inserting after the words “Tauliah Committee” the words “and Appeal Committee”; and

(B) in the national language text by deleting the word “dan” at the end of the paragraph;

(iii) by inserting after paragraph (b) the following paragraphs:

“(ba) the procedure of suspension or withdrawal of *tauliah* including the complaint and inquiry;

(bb) the procedure of appeal to the Appeal Committee;”;

(iv) in paragraph (c), by substituting for the words “member of the Committee.” the words “members of the Tauliah Committee and Appeal Committee; and”; and

(v) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

“(d) the offence and punishment for matters related to paragraphs (a), (b), (ba) and (bb).”.

### **New Part XA**

5. The principal Enactment is amended by inserting after Part X the following Part:

“PART XA  
HALAL MANAGEMENT

#### **Interpretation**

**121A.** For the purposes of this Part—

“goods”, “food” or “services in relation to the food or goods” including where food or goods or services in relation to the food or goods—

(a) are described as halal; or

(b) are described in any other expression to indicate that such food, goods, or services in relation to the food or goods can be consumed or used by a Muslim,

has the meaning assigned to it under the Trade Descriptions Act 2011 [*Act 730*]; and

“sertu” means to purify something from *najis mughallazah* in accordance with *Hukum Syarak*.

**Power of Majlis related to halal certificate**

**121B.** (1) Majlis as the competent authority in the State of Selangor under the Trade Descriptions Act 2011 [*Act 730*], may certify that any food or goods, or services in relation to the food or goods is halal.

(2) The Majlis shall have the power to certify—

(a) any person who is qualified to carry out halal slaughter; and

(b) any person who is qualified to carry out sertu.

(3) The Majlis shall regulate and carry out any matter relating to halal certificate by virtue of this Enactment and other written laws for the time being in force.

(4) The Majlis may exempt any person or class of persons from being certified by Majlis under subsection (2).

**Halal Committee**

**121c.** (1) The Majlis shall appoint a committee known as the Halal Committee which shall consist of—

(a) a member of the Majlis as the chairman; and

(b) not less than five persons and not more than ten persons who have the appropriate experience, knowledge and expertise.

(2) The Halal Committee shall have the power to—

(a) assist Majlis in regulating matters related to halal certificate; and

(b) carry out any act related to the halal certificate as the Majlis thinks expedient.

(3) The Majlis shall appoint any fit and proper person to be the secretary for the Halal Committee.

(4) The secretary for the Halal Committee shall be responsible to carry out the decision of the committee.

**Chief Halal Management Officer, Deputy Chief Halal Management Officer and Halal Management Officer**

**121d.** (1) The Majlis may appoint a person who is fit and proper amongst member of the general public service of the Federation or State public service or joint public service to be the Chief Halal Management Officer.

(2) The Chief Halal Management Officer shall have power exercisable at his discretion to institute and carry out any actions in respect of—

(a) halal management under this Part; or

(b) any matter relating to halal which is authorized by the Majlis to carry out its power under any written laws.

(3) The Majlis, on the advice of the Chief Halal Management Officer, may appoint who is fit and proper person amongst members of the general public service of the Federation or State public service or joint public service—

(a) a Deputy Chief Halal Management Officer; and

(b) Halal Management Officers.

(4) The Deputy Chief Halal Management Officer shall have all the powers of a Halal Management Officer and shall act as the Chief Halal Management Officer in the absence or incapacity of the Chief Halal Management Officer to act as the Chief Halal Management Officer.

(5) Halal Management Officer shall act under the general control and direction of the Chief Halal Management Officer and may exercise all rights and powers vested to or may be carried out by the Chief Halal Management Officer.

### **Power to make regulations or rules**

**121E.** The Majlis, with the consent of His Royal Highness the Sultan, may make regulations or rules to regulate all matters relating to—

- (a) determination of food, goods or services in relation to the food or goods as halal in accordance with *Hukum Syarak*;
- (b) certificate for person who is qualified to carry out halal slaughter;
- (c) certificate for person who is qualified to carry out sertu;
- (d) fee related to matters under paragraphs (b) and (c); and
- (e) offence and punishment related to matters under paragraphs (b) and (c).

### **Offence of carrying out halal slaughter and sertu without certificate**

**121F.** (1) Any person who carries out, attempts to carry out or causes the carrying out of a halal slaughter or sertu without the certificate granted under this Part commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

(2) Subsection (1) shall not applicable to—

- (a) any person or class of persons exempted by the Majlis under subsection 121B(4) of this Enactment; or
- (b) any person carrying out halal slaughter or sertu for the purpose other than commercial.”.

### **Savings and transitional**

**6.** Any order or judgement made by a Syariah Court in the State of Selangor pending to be executed or served on any person who is or is believed to be in another State in Malaysia in accordance with any law of that State immediately before the coming into operation of this Enactment shall, on the coming into operation of this Enactment, be dealt with under the principal Enactment as amended by this Enactment.

Passed this on 7 March 2024  
[P.U. Sel. (ADV) RUU(S)05/07/03]

GAYATHRI PRASENA A/P JAYA KUMAR  
*Clerk of the Legislative Assembly  
Selangor*



Trusted Secure Professional

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR  
www.printnasional.com.my  
email: cservice@printnasional.com.my  
Tel.: 03-9236 6888

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
WJW24/0358 17-04-2024